

## PM tiba di Kota Kinabalu, lawatan kerja dua hari ke Sabah

Eleanor Michelle Patrick  
Mei 19, 2022 18:15 MYT



Ketibaan beliau disambut Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi negeri, Datuk Yakub Khan serta beberapa pemimpin kerajaan negeri lain.

**KOTA KINABALU:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob tiba di Kota Kinabalu bagi lawatan kerja dua hari ke Sabah.

Ismail Sabri tiba dengan pesawat khas kira-kira jam 3.40 petang di Terminal 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) pada Khamis.

Ketibaan beliau disambut Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi negeri, Datuk Yakub Khan serta beberapa pemimpin kerajaan negeri lain.

Dalam lawatan kerja dua hari itu, Ismail Sabri yang juga Naib Presiden UMNO hadir ke Majlis Hari Raya Barisan Nasional (BN) Sabah.

Pada hari kedua lawatan itu, Perdana Menteri akan merasmikan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Sabah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), Kota Kinabalu.

Majlis berkenaan merupakan program jelajah pertama anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di Sabah tahun ini yang akan turut dihadiri Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor.

Pelbagai acara menarik disusun buat pengunjung pelbagai peringkat umur sepanjang program berlangsung selama tiga hari hingga 22 Mei ini yang bermula 9 pagi.

Karnival Kerjaya Jamin Kerja sempena program jelajah itu juga bakal menjadi tumpuan para pencari kerja dengan lebih 1,000 peluang pekerjaan daripada pelbagai sektor melibatkan lebih 30 majikan ternama.

Sabah merupakan destinasi ketiga siri jelajah AKM yang diilhamkan Perdana Menteri selepas siri pertama diadakan di Johor dan diikuti Perlis, sebagai destinasi kedua.